

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

24 SEP HUBUNGAN MALAYSIA PAKISTAN PERLU DIPERTINGKAT



USM, PULAU PINANG, 22 September 2016 - Hubungan antara Pakistan dan Malaysia terutamanya dalam pendidikan tinggi wajar dipertingkatkan lagi dalam memanfaatkan kekuatan yang ada dengan melibatkan pelbagai bidang kepakaran.

Berucap mengalu-alukan delegasi seramai 30 orang yang terdiri daripada pegawai kerajaan dan pensyarah-pensyarah institusi pendidikan tinggi Pakistan di sini, Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) Profesor Dato' Dr. Omar Osman berkata, USM sudah lama menjalinkan hubungan rapat dengan institusi pendidikan tinggi Pakistan melalui jaringan akademik dan penyelidikan terutama dalam bidang Arkeologi yang berjaya membuat beberapa penemuan penting.



"USM juga menghantar seorang calon ijazah doktor falsafah untuk melanjutkan pengajian di University of Peshawar, Pakistan yang kini telah kembali berkhidmat sebagai pensyarah di USM," tambahnya.

"Saya percaya, kita boleh menerokai kerjasama yang lebih banyak pada masa hadapan dengan potensi besar yang ada, bukan sahaja dalam bidang Arkeologi malah juga bidang-bidang Sains dan Teknologi yang lain," kata Omar.

Wakil delegasi Pakistan, Maj (R) Tariq Hayat Malik berkata, delegasi yang sedang berada di Malaysia ini bertujuan mengukuhkan lagi hubungan Malaysia dan Pakistan dengan USM menjadi tempat yang wajib dilawati.



"Keindahan budaya dan adat resam masyarakat Malaysia serta sejarahnya banyak berkaitan dengan negara Pakistan di samping terdapat juga persamaan dari segi perkataan dalam bahasa Melayu dan Urdu," katanya.

Tambahnya, pertemuan ini juga memberi peluang untuk kedua-dua pihak mengupas persamaan dan hubung kait budaya, ekonomi dan sejarah kedua-dua negara melalui pembentangan kertas kerja daripada pembentang-pembentang dari Pakistan.



Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) USM, Profesor Dato' Dr. Mokhtar Saidin pula berkata, lawatan delegasi Pakistan ini akan memberi manfaat khususnya kepada USM dalam mengorak langkah memperluaskan hubungan antarabangsa dengan negara Pakistan dalam pelbagai aspek pendidikan tinggi.

"Kita telah mulakan penyelidikan arkeologi bersama-sama University of Peshawar sejak dari tahun 2013 lagi dan banyak penemuan yang ditemui hasil ekskavasi yang dibuat sehingga membolehkan USM menghantar satu-satunya pelajar dari Malaysia untuk melanjutkan pelajaran di sana," jelasnya

lagi.

Harapannya, pihak Pakistan akan terus menjalankan hubungan bersama-sama USM supaya bidang penyelidikan dan akademik dapat diperkuat pada masa akan datang.



Yang hadir sama dalam majlis ini Konsul Jeneral Kehormat Pakistan di Pulau Pinang, Dato' Haji Abdul Rafique bin Abdul Karim.

Teks: Syuhada Abd. Aziz



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>)

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015